

22 AUG 1997

Mahathir-Islam

MAHATHIR AJAK RAKYAT AMALKAN REFORMASI

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir hari ini mengajak umat Islam mengamalkan reformasi terhadap pemikiran yang terkongkong dengan ajaran yang tidak sebenarnya berasaskan kepada Islam dan mengelirukan umat Islam sendiri.

Perdana Menteri berkata keadaan sebenar yang terdapat pada zaman ini mesti diakui dan penipuan diri tentang ajaran sebenar Islam akan menggagalkan usaha menangani cabaran abad ke-21.

"Reformasi yang diperlukan umat Islam ialah yang boleh mengembalikan mereka kepada ajaran yang tidak dicampur aduk dengan pelbagai tafsiran, ajaran dan fatwa songsang yang dibuat selama 1,400 tahun selepas hijrah," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian dalam ucaptamanya pada persidangan serantau "Menghadapi Abad Ke-21: Reformasi dan Cabaran Umat Islam Serantau" di Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) di sini.

Dr Mahathir berkata reformasi itu perlu bagi mengembalikan umat Islam kepada ajaran al-Quran dan sunnah Nabi yang mengutamakan persaudaraan dan tidak berperang sesama sendiri hanya kerana perbezaan pendapat berkenaan soal rupa bentuk Islam.

Selain mengamalkan reformasi itu, Dr Mahathir juga menyeru umat Islam supaya mendalami ilmu dalam bidang selain yang berkaitan ilmu agama bagi menyelamatkan mereka daripada musuh Islam yang mahu melemah dan memecah-belahkan umat Islam sendiri.

Dr Mahathir berkata abad ke-21 amat mencabar dengan adanya teknologi moden dan maklumat yang akan mengubah secara radikal cara hidup manusia. Dan tidak ada siapa yang boleh mengasingkan diri daripada masyarakat dunia dan teknologi seumpama itu.

Katanya, pelbagai peralatan yang hampir ajaib boleh dicipta dan diperbuat oleh mereka yang berpengetahuan tinggi dalam bidang tertentu dan memiliki teknologi itu sehingga mereka boleh melakukan apa sahaja termasuk menindas orang Islam dan negara Islam.

Ini dapat dilihat di Bosnia apabila rakyat Islam diizinkan oleh mereka (yang berpengetahuan tinggi dalam teknologi) supaya dibunuh beramai-ramai dan senjata mereka dirampas. Ini juga dapat dilihat di Chechnya, Pakistan dan selatan Asia.

Dr Mahathir berkata: "Memanglah ilmu agama perlu dipelajari tetapi tidak ada sebab kenapa semua orang Islam mesti mengkhususkan dalam bidang ini sahaja. Apakah semua pelajar Islam perlu menjadi pakar dalam bidang agama sehingga tidak ada yang mempelajari bidang lain yang boleh memajukan dan menyelamatkan umat Islam."

Ada banyak lagi ajaran Islam yang penting yang perlu diamalkan dan ilmu keagamaan sahaja tidak akan menjamin Islam dan umatnya selamat, katanya.

Beliau berkata usaha memulih kekuatan umat Islam dan negara Islam tetap memakan masa yang lama.

"Ia memerlukan kepada politik yang stabil, pentadbiran yang cekap, penguasaan ilmu, pengumpulan kekayaan, pemilikan perusahaan canggih dan pembangunan pertahanan yang berkemampuan menyelamatkan negara dan umat Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun agama Islam mengajar umatnya bersaudara, namun ada yang berperang sesama sendiri kerana mendakwa diri mereka yang Islam dan yang lain murtad dan ini sedang berlaku di kebanyakan negara Islam termasuk di Malaysia.

Katanya, ramai orang Islam terutamanya puak pelampau tidak sabar, suka mengambil tindakan gopoh, tidak merancang, memberontak dan mengganas dengan tidak tentu hala, terutama terhadap orang Islam lain.

Kerana tindakan tanpa persiapan cukup, mereka membazirkan kekuatan yang sedikit tanpa mencapai sebarang kejayaan tetapi sebaliknya mereka mencetuskan keadaan kucar-kacir dalam negara Islam dan melemahkan lagi umat Islam, katanya.

Mereka sebenarnya secara tidak langsung atau tidak sedar bersubahat dengan musuh Islam, termasuk puak Zionis.

"Kerana mereka ini, hampir tidak ada negara Islam yang dapat ditadbir dengan baik dan dibangunkan untuk menghadapi cabaran abad ke-21 sementara bangsa dan penganut agama lain menjadi lebih maju, kuat dan menjadi angkuh menindas umat Islam yang terus mundur, lemah dan berpecah belah dan mudah diperalatkan musuh Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata pada zaman Rasulullah, segala masalah dalam masyarakat Islam dapat dirujuk kepada baginda untuk diselesaikan tetapi ajaran Islam menentukan cara penganut Islam menyelesaikan masalah dalam masyarakat iaitu secara bermusyawarah.

"Semua pihak berhak menyuarakan pendapat tetapi keputusan yang diputuskan melalui musyawarah hendaklah dipatuhi oleh semua. Tidak ada siapa, termasuk khalifah-khalifah, boleh membuat keputusan sendiri yang tidak boleh disoal dan dipaksa ke atas masyarakat Islam," katanya.

Selain kerajaan yang stabil dapat menyelamatkan orang Islam, Dr Mahathir berkata kepimpinan Islam mestilah dipilih melalui musyawarah, satu cara yang demokratik dan bukan cara penipuan atau cara menakutkan orang Islam dengan ajaran yang tidak benar.

Perbezaan pendapat dan ajaran tetap ada dalam masyarakat Islam. Yang jelas sesat perlu dikembalikan ke jalan yang benar tetapi caranya hendaklah lebih bijak melalui musyawarah dan bukan tekanan, penindasan dan ketidakadilan.

Dr Mahathir berkata jika persetujuan tidak dapat dicapai, sikap toleran dan persaudaraan hendaklah diamalkan sementara percubaan secara keras yang hanya membawa perpecahan dan rusuhan yang berlarutan hendaklah dielakkan.

-- BERNAMA

ARA NMO